

KUALA LUMPUR, 6 JULAI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA BARISAN NASIONAL AKAN MENDAPAT MAJORITI DUA PERTIGA DALAM PILIHANRAYA SARTU INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA INI BUKAN RAMALAN BARISAN NASIONAL TETAPI DARI PARTI-PARTI PEMBANGKANG YANG TELAH MENGELUARKAN PERANGKAPAN TENTANG KEJAYAAN CALON-CALON MEREKA.

+PAS BERKATA MEREKA AKAN MENANG 15 KERUSI, DAP 30 DAN PEKEMAS TIGA DAN DENGAN INI MENUNJUKKAN BAHAWA PARTI-PARTI PEMBANGKANG SENDIRI MENGAKUI KEMENANGAN BN KERANA KESEMUA KERUSI PARLIMEN IALAH 154,+ KATANYA.

DENGAN ITU JUGA MEREKA MENGAKUI TIDAK DAPAT MENGURANGKAN MAJORITI BARISAN NASIONAL SEPERTI YANG MEREKA LAUNG-LAUNGKAN SELAMA INI, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA TEMPATAN DAN LUAR NEGERI YANG MENEMUINYA DI IBUPEJABAT BARISAN NASIONAL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN, BARISAN NASIONAL ADALAH PARTI YANG REALISTIK DAN TIDAK MENJANGKA MEMENANGI SEMUA KERUSI KERANA KALAU ITU TERJADI, DEMOKRASI TIDAK ADA.

— BERSAMBUNG 1813/LK

££

B659:

MAHATHIR-BN 2 KUALA LUMPUR

MENJAWAB SATU PERTANYAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PARTI -PARTI PEMBANGKANG DI NEGARA INI MEMAINKAN POLITIK PERKAUMAN DAN MEREKA MEMBANGKANG HANYA KERANA MEMBANGKANG.

MENURUTNYA, SEHINGGA INI BELUM ADA SATU KRITIK YANG TIDAK ADA BERSANGKUT DENGAN SOAL PERKAUMAN DAN MEREKA HANYA MEMANDANG DARI SEGI PARTI DAN BUKAN SOAL NASIONAL.

TEGASNYA, SATU CONTOH YANG BAIK IALAH TUDUHAN DAP BAHAWA MCA MENGABAIKAN KEPENTINGAN MASYARAKAT CINA DAN PAS PULA MENUDUH UMNO MENCENEPIKAN KEPENTINGAN MELAYU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG JUGA TIDAK MENYOKONG DASAR PELABURAN UNTUK MENAMBAHKAN PELUANG PEKERJAAN TETAPI JIKA ANGKA PENGANGURAN BERTAMBAH MEREKA AKAN MEMEKIK.

— BERSAMBUNG 1818/LK

MAHATHIR-BN 3 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA BERKATA UJUDNYA PAS TIDAK ADA MENFAAT KERANA MEREKA HANYA HENDAK MEMECAHBELAHKAN PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA KESAL KERANA PAS MEMBUAT TERJEMAHAN YANG SALAH TERHADAP BUKUNYA +MALAY DILEMMA+ DAN INI MEMBERI TAFSIRAN YANG SALAH.

MENGENAI CABARAN PRESIDEN PAS DATUK AGRI HAJI MUDA SUPAYA DIADAKAN PERDEBATAN TERBUKA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA APAKAH SEKARANG BARU HENDAK DIADAKAN PERDEBATAN SEPERTI ITU SELEPAS LAPAN TAHUN BUKU ITU DITERBITKAN.

KATANYA, KEMPEN PAS NEBAT KERANA KEMPEN BERSIH TIDAK SEHEBAT YANG KOTOR DAN MEREKA MENGGUNAKAN ISLAM UNTUK MEMANCIING UNDI.

MENGENAI MENTERI-MENTERI BESAR YANG BARU, BELIAU BERKATA RAKYAT LAZIMNYA MAHU PERUBAHAN DAN PERKARA ITU BOLEH DIFIKIRKAN.

— BERNAMA 1850/LK